

HARI PERTAMA DI MOSCOW

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4858-hari-pertama-di-moscow

Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM mengiringi Menteri Pertahanan, YB Tuan Hj Mohamad bin Sabu sempena lawatan kerja di Moscow, Rusia bermula semalam.

Dalam rangka lawatan, satu mesyuarat bilateral telah dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan Malaysia dengan Menteri Pertahanan Rusia, Jeneral Sergei Shoigu bagi membincangkan kerjasama pertahanan disamping mengekalkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Rusia.

Terdahulu, ketibaan YB Tuan Haji Mohamad Sabu dan Panglima Tentera Udara telah dialu-alukan dengan Kawalan Kehormatan Utama yang didirikan di Kementerian Pertahanan Rusia.

